

PENGETAHUAN DAN SIKAP PELAJAR TINGKATAN EMPAT BERKENAAN VIDEO PORNOGRAFI DI INTERNET

*Knowledge and Attitude of Fourth-Form Students Regarding
Pornographic Videos on The Internet*

**Syahirah Rosli¹, Mohd Edyazuan Azni^{2*}, Nor Zaitulakmar Muda @A Ghani³
& Mohd Isa Hamzah⁴**

¹Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

²Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology, Vendor City, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

³Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks KLIA, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

⁴Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43600, Selangor, Malaysia

Published: 30 Disember 2024

To cite this article (APA): Rosli, S., Azni, M. E., Muda @ A Ghani, N. Z., & Hamzah, M. I. (2024). Pengetahuan dan sikap pelajar tingkatan empat berkenaan video pornografi di internet. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 43-54. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.5.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.5.2024>

ABSTRAK

Ketagihan terhadap pornografi di kalangan remaja kini berkait rapat dengan kemajuan serta perubahan dalam gaya hidup masyarakat. Fenomena ini disebabkan oleh kemajuan teknologi yang memudahkan akses kepada bahan pornografi, terutamanya dalam bentuk digital, dengan cara yang cepat dan tanpa halangan. Selain itu, peningkatan dalam pendidikan dan pendedahan terhadap teknologi telah menyebabkan remaja lebih bebas menggunakan Internet, sehingga ada yang secara sengaja mengakses kandungan pornografi tanpa rasa tanggungjawab. Oleh itu, kajian kuantitatif ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan dan sikap pelajar tingkatan empat terhadap video pornografi di Internet, berdasarkan data yang dikumpulkan daripada 169 pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Nilai, Negeri Sembilan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan sikap pelajar berada pada tahap yang tinggi, dengan purata skor masing-masing adalah 3.24 dan 3.45. Analisis ujian-t menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai sikap moral yang lebih baik berbanding pelajar lelaki (nilai $t = -6.55$, $P = 0.00$, $P < 0.05$). Tambahan pula, analisis ujian korelasi Pearson menunjukkan tiada hubungan signifikan antara pengetahuan dan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet ($r = 0.143$, $P = 0.071$, $P > 0.05$). Kesan pornografi tidak terhad kepada aspek fizikal atau tingkah laku individu; ia juga memberi impak yang mendalam terhadap perkembangan sahsiah remaja, khususnya dari segi aspek rohani mereka. Oleh itu, adalah penting bagi semua pihak untuk bekerjasama dalam menangani isu ketagihan pornografi dalam kalangan remaja agar mereka tidak terus terjebak dalam dunia digital tanpa batasan ini.

Kata kunci: Ketagihan Pornografi, Remaja, Kemajuan Teknologi, Pengetahuan dan Sikap, Perkembangan Sahsiah

ABSTRACT

Addiction to pornography among teenagers is closely related to advancements and changes in societal lifestyles. This phenomenon is driven by technological progress that facilitates quick and unrestricted access to pornographic material, particularly in digital form. Additionally, the increase in education and exposure to technology has led to teenagers being more capable to use the Internet, with some deliberately accessing pornographic content without a sense of responsibility. Therefore, this quantitative study aims to assess the level of knowledge and attitudes of Form Four students towards pornographic videos on the Internet, based on data

collected from 169 students at a secondary school in the Nilai district, Negeri Sembilan. The study results indicate that the students' level of knowledge and attitudes are high, with average scores of 3.24 and 3.45, respectively. T-test analysis shows that female students have better moral attitudes compared to male students (t -value = -6.55, $P = 0.00$, $P < 0.05$). Furthermore, Pearson correlation analysis indicates no significant relationship between students' knowledge and attitudes towards pornographic videos on the Internet ($r = 0.143$, $P = 0.071$, $P > 0.05$). The impact of pornography is not limited to physical or behavioral aspects of individuals; it also profoundly affects the moral development of teenagers, particularly in terms of their spiritual aspects. Therefore, it is crucial for all parties to collaborate in addressing the issue of pornography addiction among teenagers to prevent them from becoming further entangled in this boundless digital world.

Keyword: *Pornography Addiction, Teenagers, Technological Advancement, Knowledge and Attitudes, Moral Development*

PENGENALAN

Masyarakat kini semakin menerima pornografi sebagai suatu norma dan menjadikannya sebagai salah satu bentuk hiburan untuk mengisi waktu lapang. Beberapa individu berpendapat bahawa menonton pornografi adalah hak peribadi yang tidak boleh dicampuri (Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman et al., 2021). Namun, tanpa disedari, kecenderungan ini dapat memberikan kesan negatif kepada individu dan masyarakat secara keseluruhan (Salsabila & Okta Sari, 2023). Akses mudah kepada media sosial dan kandungan pornografi menjadi punca utama masalah sosial dalam kalangan kanak-kanak masa kini. Dalam usaha menangani jenayah berkaitan pornografi kanak-kanak di dalam talian, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menubuhkan Unit Siasatan Jenayah Internet Terhadap Kanak-kanak (MICAC). Unit ini bertanggungjawab untuk menyiasat kes-kes pornografi kanak-kanak yang dilakukan secara dalam talian serta memantau trafik laman sesawang yang mempunyai kandungan lucah. Dengan menggunakan teknologi canggih, mereka dapat mengesan kekerapan penggunaan laman sesawang oleh pengguna Internet serta bahan pornografi yang dimuat naik dan dimuat turun. Data yang diperoleh ini menjadi bukti penting dalam mengesan jenayah siber bagi tujuan pendakwaan.

Aktiviti pornografi kini bukan sahaja melibatkan individu dewasa, tetapi juga remaja yang seharusnya menjadi generasi pelapis kepimpinan negara (Zuliana et al., 2019). Ancaman pornografi di platform media sosial dan Internet semakin membimbangkan dan memerlukan perhatian serius daripada pelbagai pihak. Peranan ibu bapa di rumah adalah sangat kritikal untuk memantau aktiviti harian anak-anak mereka. Dalam konteks perintah kawalan pergerakan yang memaksa anak-anak tinggal di rumah dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian, mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk mengakses laman sesawang yang tidak sesuai. Oleh itu, ibu bapa harus sentiasa peka dan melakukan pemantauan terhadap aktiviti anak-anak di rumah. Penglibatan remaja dalam aktiviti pornografi adalah semakin meruncing, dengan lebih daripada 75% remaja di Malaysia terlibat dalam menonton video atau gambar pornografi (Rozita Wahab & Mariani Mansor, 2024).

SOROTAN KAJIAN

Terdapat pelbagai penyelidikan yang telah dilakukan mengenai ketagihan pornografi, khususnya yang melibatkan remaja. Salah satu kajian yang signifikan adalah oleh Fatin Farhanah Ammer, Sakinah Salleh (2023), yang meneliti perspektif kaunselor melalui pendekatan kualitatif, menghasilkan beberapa penemuan penting. Antara penemuan tersebut termasuklah kesan negatif dari seks siber, keperluan untuk pengetahuan mendalam mengenai isu ini, serta strategi untuk merawat ketagihan seks siber. Kajian ini juga memberi perhatian kepada cara-cara untuk memelihara proses pemulihan bagi individu yang terjebak dalam ketagihan pornografi, dengan harapan mereka dapat mengubah tingkah laku mereka ke arah yang lebih positif dan menjauhi amalan tersebut secara kekal. Hal ini adalah penting kerana pornografi dapat membawa kepada pelbagai implikasi negatif dalam kehidupan seseorang, termasuk dalam hubungan kekeluargaan (Syazwana Aziz et al., 2021).

Hayyu Mashvufah (2020) menerangkan bahawa pornografi dalam talian berfungsi sebagai satu bentuk penindasan terhadap wanita, di mana ia boleh menjadikan perempuan sebagai mangsa rogol dan objek seksual bagi lelaki. Kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tingkah laku yang ketara antara wanita yang menonton pornografi dan yang tidak. Namun, wanita yang terlibat dalam tontonan pornografi lebih cenderung untuk terlibat dalam hubungan seks bebas dan bertukar pasangan. Di samping itu, pornografi dapat memberikan manfaat kepada remaja dalam bentuk pengetahuan mengenai seks. Walau bagaimanapun, kajian ini kurang sesuai untuk diterapkan dalam konteks kehidupan, agama, dan budaya masyarakat Malaysia yang menganggap pornografi sebagai tindakan tidak bermoral yang membawa keburukan kepada individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Hasil penyelidikan oleh Monika@Munirah Abd Razzaka et al. (2023) menunjukkan bahawa pornografi boleh menyebabkan ketagihan yang serius, memberi impak negatif terhadap kesihatan individu. Ini termasuk pengurangan kawalan diri, kemandulan, hilang rasa hormat, serta terlibat dalam perilaku seksual berbahaya seperti kekerasan. Untuk mengatasi isu ini, pemahaman dan penghayatan agama dianggap sebagai pendekatan yang paling berkesan dalam mengawal tingkah laku seksual individu. Penghayatan agama dapat meningkatkan nilai moral seseorang, membolehkan mereka mengelakkan tindakan yang merosakkan diri (Nur Hanis Mokhsin et al., 2024).

Satu kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di kawasan Lembah Klang menunjukkan bahawa 78.3% ibu bapa membenarkan anak-anak mereka menggunakan gajet (Suliah Mohd Aris et al., 2023). Antara tahun 1999 hingga 2000, terdapat lebih daripada 80,000 laman sesawang yang berkaitan dengan pornografi, dengan purata 200 laman sesawang baharu dibangunkan setiap hari (Zulkiple Abd. Ghani, 2020). Dengan kemajuan teknologi yang pesat, pengkaji meramalkan bahawa angka ini mungkin telah meningkat dengan ketara. Pornografi kini bukan sahaja menjadi isu sosial tetapi juga telah berkembang menjadi industri komersial yang menguntungkan. Menurut penyelidikan Forrester, pendapatan industri pornografi dalam talian telah meningkat sebanyak 30%, mencapai nilai melebihi USD1 bilion. Di Jepun, dianggarkan terdapat sekitar 3,000 laman sesawang yang memaparkan kandungan pornografi kanak-kanak, dan pada awal kemunculan Internet di negara tersebut, lebih daripada 80% trafik Internet tertumpu kepada laman-laman sesawang pornografi (Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman et al., 2021). Malaysia menduduki tempat keempat tertinggi di dunia dalam statistik penggunaan trafik *PornHub*, dengan peningkatan sebanyak 84% dalam penggunaan trafik tersebut sepanjang pandemik COVID-19 (Azzam Samsuddin, 2020). Kajian terkini oleh Mutaqin & Ediyono (2024) juga menekankan hubungan antara penggunaan gajet dan peningkatan paparan terhadap kandungan pornografi dalam kalangan remaja.

Dalam Kaji Selidik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017, yang melibatkan 27,455 remaja sekolah menengah, didapati bahawa 6 daripada 7 remaja merupakan pengguna Internet aktif, sementara 2 daripada 7 remaja mengalami ketagihan Internet. Peratusan ketagihan Internet dalam kalangan pelajar sekolah menengah menunjukkan peningkatan daripada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima, di mana 38% pelajar tingkatan lima dilaporkan mengalami ketagihan. Kajian ini juga mendedahkan bahawa etnik Cina mencatatkan peratusan ketagihan tertinggi, iaitu 34% (Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman et al., 2021). Lebih lanjut, kajian menunjukkan bahawa pelajar di kawasan bandar mempunyai kadar ketagihan Internet yang lebih tinggi berbanding dengan mereka di luar bandar. Telefon pintar menjadi gajet paling popular dalam kalangan mereka yang ketagih dengan 94.4%, diikuti oleh komputer riba dan tablet (Siti Munirah Abd Kahar et al., 2023). Penemuan ini mencerminkan perubahan perilaku dalam penggunaan teknologi dalam kalangan remaja serta implikasi terhadap kesihatan mental dan sosial mereka (Julhamdani et al., 2024).

Kajian yang dilakukan oleh Tan Lem Beng (2021) menunjukkan bahawa isu pornografi telah menjadi ancaman serius terhadap kesejahteraan masyarakat di Malaysia. Akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan semasa pandemik COVID-19, penggunaan Internet dalam kalangan remaja telah meningkat secara drastik dan tidak terkawal, menyebabkan segelintir mereka terjebak dalam aktiviti pornografi. Penyelidikan tersebut mengesahkan bahawa fenomena pornografi ini semakin meluas dan berpotensi mempengaruhi moral serta pemikiran individu, terutamanya dalam kalangan remaja berusia antara 11 hingga 22 tahun. Memahami risiko yang ditimbulkan oleh pornografi kepada masyarakat,

khususnya golongan muda, adalah penting untuk mengambil langkah proaktif bagi menangani isu ini sebelum ia berkembang menjadi ketagihan yang sukar untuk diatasi.

Menurut Keisya Nabila Syaqui & Aqilla Darwisya Qaisara (2024), teknologi berperanan sebagai pendorong utama kepada ketagihan pornografi dalam kalangan remaja masa kini. Namun, kajian yang ada menunjukkan bahawa kebanyakan penyelidik hanya menumpukan perhatian kepada Internet sebagai satu-satunya sumber teknologi yang menyumbang kepada ketagihan ini, tanpa mempertimbangkan pengaruh alat moden seperti gajet dalam meningkatkan risiko ketagihan pornografi dalam kalangan pelajar. Statistik yang tersedia memperlihatkan bahawa remaja di seluruh dunia berhadapan dengan ancaman pornografi. Walaupun tidak muncul sebagai bencana yang jelas, kesan daripada pornografi dapat mendatangkan keburukan yang serius kepada masyarakat dan negara. Implikasi ini berpotensi untuk meningkatkan kadar jenayah seksual, kelahiran anak luar nikah, kekeliruan gender, keruntuhan institusi keluarga, serta kemerosotan institusi sosial secara keseluruhan. Kajian terkini oleh Hadi, Nathanael Yitshak; Hermanto (2024) juga menyokong pandangan ini dengan menekankan pentingnya pemantauan terhadap penggunaan teknologi bagi mengurangkan risiko ketagihan pornografi dalam kalangan remaja.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, fokus telah diletakkan terhadap pencapaian tiga objektif berikut:

1. Mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap video pornografi di Internet.
2. Mengetahui sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet.
3. Mengetahui perbezaan yang signifikan dari aspek sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet berdasarkan jantina.
4. Mengetahui sama ada terdapat perhubungan antara pengetahuan dan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet.

Persoalan Kajian

Demi mencapai objektif-objektif kajian di atas, soalan-soalan kajian berikut dijadikan sebagai panduan semasa kajian dilaksanakan:

1. Adakah tahap pengetahuan pelajar terhadap video pornografi di Internet?
2. Adakah sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet berdasarkan jantina?
4. Adakah terdapat perhubungan antara pengetahuan dan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet?

Hipotesis Kajian

Hipotesis H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet berdasarkan jantina.

Hipotesis H_{02} : Tidak terdapat perhubungan antara pengetahuan dan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini dilakukan dengan berdasarkan kaedah kuantitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data menggunakan satu set soalan soal selidik. Persampelan *purposive sampling* yang digunakan membolehkan pengkaji menentukan pemilihan kategori dan bilangan sampel untuk sesuatu

kajian telah dilakukan (Etikan, 2016). Populasi sasaran bagi kajian ini adalah pelajar Tingkatan 4 di sekolah di dalam daerah Nilai, Negeri Sembilan, tahun 2022.

Satu ceramah bertajuk '*Goodbye Pornography: Didik-Sedar-Cegah*' telah dilaksanakan pada 24 Mei 2022 kepada populasi sasaran. Borang soal selidik diberikan kepada setiap pelajar yang hadir sejurus selepas penceramah selesai memberikan ceramah. Jumlah pelajar Tingkatan 4 di sekolah tersebut adalah sebanyak 192 orang namun hanya 180 yang hadir program berkenaan. Dari jumlah tersebut, hanya 169 orang pelajar sahaja yang menyerahkan kembali borang soal selidik. Setelah dilakukan analisis Ujian *Normaliti* menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 25.0 terdapat 9 *Outliers* yang mana telah dikeluarkan dari pengiraan analisis-analisis seterusnya menjadikan jumlah soal selidik yang dianalisis adalah sebanyak 160 responden sahaja.

Responden ini dipilih adalah kerana pada umur 16-17 tahun, remaja sedang dan sudah meneroka bahan-bahan pornografi. Selain daripada itu pada umur sebegini, mereka dianggap telah matang membuatkan dapatan dari mereka dianggap lebih dipercayai (Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid, 2012). Perincian bilangan responden dipaparkan di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perincian responden kajian

Perkara	Bilangan (orang)
Jumlah responden	192
Responden yang hadir program	180
Responden yang menyerahkan borang soal selidik	169
Peratus pemulangan borang soal selidik	93.9 %
<i>Outliers</i>	9
Jumlah borang soal selidik yang dianalisis	160

Kajian ini mengadaptasi soal selidik daripada Wahyu Ningsih (2016) dan soalan-soalan telah diubah suai mengikut objektif kajian. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian: Bahagian A: Profil Responden; Bahagian B: tahap pengetahuan pelajar terhadap video pornografi di Internet; Bahagian C: sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2. Bahagian A menggunakan skala nominal dan bahagian B dan C menggunakan skala Likert 4 mata iaitu 4-sangat setuju (SS), 3-setuju (S), 2-tidak setuju (TS) dan 1-sangat tidak setuju (STS). Penggunaan skala Likert 4 mata adalah bagi memudahkan penganalisan data dan juga memastikan responden memberi jawapan secara objektif (Rosdiah Ahmad Hamzah et al., 2021). Menurut Cohen et al. (2018), skala Likert 4 mata tidak mempunyai nilai mata pertengahan (titik tengah) dan ini dapat mengelakkan responden untuk tidak memberikan sebarang pendapat.

Jadual 2: Bilangan Soalan Soal Selidik Mengikut Bahagian

Bahagian	Bilangan soalan
A Demografi	1
B Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap video pornografi di Internet	11
C Sikap Pelajar Terhadap video pornografi di Internet	8

Analisis deskriptif dan inferensi dilakukan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 25.0. untuk objektif pertama dan kedua, analisis deskriptif iaitu frekuensi, min dan sisihan piawai digunakan manakala untuk objektif ketiga, analisis ujian-T bebas digunakan dan akhir sekali objektif keempat, analisis korelasi *Pearsons* telah dilaksanakan. Data yang telah dianalisis dipaparkan dalam bentuk jadual. Hasil dapatan skor min statistik deskriptif kajian ditafsirkan menggunakan Jadual 3 (Mohd Asri Harun et al., 2017).

Jadual 3: Rujukan Pentafsiran Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan memaparkan hasil dapatan dan perbincangan hasil kutipan data.

Demografi Responden

Terdapat hanya satu soalan dalam soal selidik bahagian A iaitu berkenaan jantina responden seperti dipapar di dalam Jadual 4. Dari 160 orang responden yang menyertai kajian ini yang terdiri daripada 78 orang (48.8%) adalah daripada kalangan pelajar lelaki manakala 82 orang (51.2%) pula pelajar perempuan. Kadar kehadiran adalah hampir sama bagi kedua-dua jantina.

Jadual 4: Profil Responden

No	Item	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
A1	Jantina	Lelaki	78	48.8
		Perempuan	82	51.2

Analisis Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Video Pornografi di Internet

Bahagian B adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap video pornografi di Internet. Terdapat 11 soalan yang ditanya berdasarkan pengalaman para pelajar dari segi pengetahuan, pandangan dan pengalaman pelajar terhadap video pornografi di Internet.

Mengambil kira dapatan kajian, soalan B9 menunjukkan skor min yang tertinggi iaitu 3.58 (SP 0.71). Sebanyak 25% (n=40) pelajar menyatakan Setuju dan 68.1% (n=109) menyatakan Sangat Setuju terhadap pernyataan bahawa mereka mengetahui bahawa video pornografi merupakan sebahagian daripada teknologi canggih yang harus dihindari. Potensi pendedahan video pornografi kepada para remaja adalah tinggi. Oleh sebab itu, segala usaha oleh pihak kerajaan dan ibu bapa perlu dilakukan untuk memastikan pendedahan pornografi secara terbuka tanpa perlukan persetujuan penonton atau *'nonconsensual pornography'* terhadap remaja perlu dilakukan (Dodge 2021; Syahirah Rosli et al. 2022a). Pencegahan awal perlu dilakukan untuk memastikan bahawa kelakuan atau kecenderungan melampau seksual tidak memberi kesan kepada gaya hidup dan pandangan kepada kehidupan mereka pada masa hadapan (Bothamley & Tully, 2018).

Soalan yang mendapat skor min yang paling rendah iaitu 2.61 (SP 0.90) adalah soalan B2 iaitu berkenaan pengetahuan para pelajar bahawa video pornografi adalah sebagai bahan pengetahuan seksual. Sebanyak 33.1% (n=53) menyatakan Tidak Setuju dan 11.3% (n=18) menyatakan Sangat Tidak Setuju terhadap pernyataan ini. Ini adalah kemungkinan kerana mereka beranggapan bahawa video pornografi adalah sekadar alat keseronokan sahaja dan tidak dianggap sebagai bahan pengetahuan seksual. Pengetahuan sebegini adalah bagus kerana kita tidak mahu para remaja menonton video pornografi untuk dijadikan contoh dalam perlakuan seksual. Ini adalah kerana video pornografi boleh juga memaparkan keadaan seksual yang tidak normal yang berkemungkinan membuatkan golongan remaja mengambilnya sebagai keadaan yang normal. Terdapat banyak lagi bahan seksual yang lebih sihat untuk digunakan sebagai panduan (Justicia et al., 2021).

Jadual 5: Tahap Kesiediaan dari Aspek Pengetahuan Pelajar

No	Item	1 STS	2 TS	3 S	4 SS	MIN	SP
B1	Saya tahu, Internet merupakan salah satu sumber informasi mengenai video pornografi	2	13	45	100	3.52	0.70
		1.3%	8.1%	28.1%	62.5%	Tinggi	
B2	Saya tahu, video pornografi lebih mudah difahami sebagai bahan pengetahuan seksual	18	53	62	27	2.61	0.90
		11.3%	33.1%	38.8%	16.9%	Sederhana	
B3	Saya tahu, video pornografi semakin mudah didapati melalui media Internet	1	13	60	86	3.44	0.67
		0.6%	8.1%	37.5%	53.8%	Tinggi	
B4	Saya tahu, remaja kini lebih memilih video pornografi sebagai bahan pengetahuan seksual	7	41	73	39	2.90	0.82
		4.4%	25.6%	45.6%	24.4%	Sederhana	
B5	Saya tahu, perempuan / lelaki yang menampilkan anggota tubuh yang sensitif adalah salah satu kelakuan yang menjurus kepada pornografi	3	21	70	66	3.24	0.75
		1.9%	13.1%	43.8%	41.3%	Tinggi	
B6	Saya tahu, adegan perempuan dan lelaki melakukan hubungan seks termasuk dalam tingkah laku pornografi	1	25	52	82	3.34	0.76
		0.6%	15.6%	32.5%	51.2%	Tinggi	
B7	Saya tahu, remaja akan mencari informasi melalui video pornografi di Internet bagi menambah pengetahuan mengenai seks	15	42	62	41	2.81	0.93
		9.4%	26.3%	38.8%	25.6%	Sederhana	
B8	Saya tahu, video pornografi dapat mengakibatkan hubungan seksual	0	12	64	84	3.45	0.63
		0%	7.5%	40.0%	52.5%	Tinggi	
B9	Saya tahu, video pornografi merupakan sebahagian daripada teknologi canggih yang harus dihindari	5	6	40	109	3.58	0.71
		3.1%	3.8%	25.0%	68.1%	Tinggi	
B10	Saya tahu, laman pornografi kini semakin banyak dan mudah di akses di Internet	1	12	64	83	3.43	0.66
		0.6%	7.5%	40.0%	51.9%	Tinggi	
B11	Saya tahu, video pornografi cukup berperanan dalam peningkatan jumlah remaja yang melakukan hubungan seks	3	17	63	77	3.34	0.74
		1.9%	10.6%	39.4%	48.1%	Tinggi	
Jumlah Keseluruhan						3.24 Tinggi	0.36

Kesimpulannya, daripada bahagian B didapati bahawa kadar pengetahuan pelajar terhadap video pornografi di Internet berada pada peringkat yang tinggi dengan purata skor min adalah 3.24 (SP 0.36). Dapatan ini dengan jelas memberikan gambaran bahawa pada umur sekitar 16 tahun, para remaja telah terdedah kepada bahan pornografi dari Internet. Pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memasukkan elemen pendidikan seksual dalam sukatan pembelajaran dari segi pornografi dari sudut pandang Islam supaya dapat dilakukan pencegahan agar para remaja tidak melayari bahan pornografi di dalam aplikasi Internet (Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman et al. 2021; Syahirah Rosli, Mohd Isa Hamzah, Ab. Halim Tamuri, et al. 2022b). Usaha tersebut juga boleh membetulkan salah tanggapan remaja terhadap bahan pornografi yang di bimbangi akan mengubah sudut pandang remaja terhadap pornografi dan seksual. Tambahan pula berdasarkan kajian oleh Silvia Mona (2019) mendapati bahawa sikap remaja terhadap seks amat tinggi. Oleh sebab itu, intervensi ketika berumur remaja amatlah penting dalam mencegah dari gejala ini berterusan. Rumusan dapatan kajian bahagian B ditunjukkan di dalam Jadual 5.

Analisis Sikap Pelajar Terhadap Video Pornografi di Internet

Bahagian ketiga kajian ini adalah berkenaan sikap pelajar terhadap pornografi di Internet. Terdapat 8 soalan dalam bahagian ini untuk mendapatkan dapatan para pelajar yang berkaitan dengan perasaan, emosi dan sentimen para pelajar terhadap video pornografi di Internet.

Item C8 memperoleh skor min tertinggi iaitu sebanyak 3.74 (SP 0.647) mendapati bahawa 83.1% (n=133) responden menyatakan sangat setuju (SS) dan 10.6 % (n=17) menyatakan setuju. Dapatan ini memberi indikasi bahawa majoriti pelajar berasa tidak seronok dalam berkongsi video pornografi dengan rakan-rakan. Penemuan ini amat penting difokuskan kerana apabila para remaja tidak seronok dan tidak mahu berkongsi video pornografi, membuktikan bahawa mereka sudah matang dalam membuat keputusan yang akan memberikan imej yang tidak baik kepada mereka. Kekurangan perkongsian video pornografi dapat mengurangkan pendedahan pornografi di kalangan remaja yang boleh membuatkan remaja terdorong untuk melakukan aktiviti seks (Maznah Othman et al., 2019; Norulhuda Sarnon@Kusenin et al., 2020).

Tambahan pula, berdasarkan dapatan C5, walaupun dengan skor min yang paling rendah iaitu sebanyak 3.06 (SP 0.91), para pelajar menyatakan bahawa mereka tidak selesa apabila rakan-rakan membincangkan tentang pornografi. Secara amnya ini memberikan gambaran bahawa para pelajar Tingkatan 4 sekolah berkenaan tidak begitu gemar terlibat dalam aktiviti melayar pornografi di Internet walaupun dapatan di Bahagian B menyatakan mereka mengetahui tentangnya. Sikap negatif terhadap pornografi sebegini adalah amat baik kerana ia dapat menjauhkan para pelajar dari aktiviti yang tidak bermoral ini (Amirul Ashraaf Norman & Nooraini Othman 2020; Syahirah Rosli et al. 2022c).

Kesimpulan keseluruhan dari bagi bahagian C, sikap pelajar terhadap pornografi di Internet berada pada tahap tinggi dengan skor min purata sebanyak 3.45 (SP 0.47). Ianya dapat dirumuskan bahawa para responden mempunyai nilai moral yang tinggi dan tidak menyukai pornografi di Internet. Rumusan dapatan kajian bahagian C dipaparkan di dalam Jadual 6.

Jadual 6: Tahap Kesediaan dari Aspek Penerimaan Pelajar

No	Item	1 STS	2 TS	3 S	4 SS	MIN	SP
C1	Saya berasa malu untuk menonton video pornografi kerana ianya menyalahi hukum syarak	4	5	32	119	3.66	0.66
		2.5%	3.1%	20.0%	74.4%	Tinggi	
C2	Saya berasa gembira jika tidak terlibat dalam aktiviti menonton video pornografi	4	13	12	131	3.69	0.73
		2.5%	8.1%	7.5%	81.9%	Tinggi	
C3		16	24	39	81	3.16	1.02

bersambung

	Saya berasa tidak selesa apabila menonton video pornografi	10.0%	15.0%	24.4%	50.6%	Tinggi	
C4	Saya berasa bersalah selepas menonton video pornografi	11	8	24	117	3.54	0.88
		6.9%	5.0%	15.0%	73.1%	Tinggi	
C5	Saya rasa tidak selesa apabila mendengar rakan-rakan membincangkan tentang pornografi	10	31	58	61	3.06	0.91
		6,3%	19.4%	36.3%	38.1%	Tinggi	
C6	Saya berpuas hati apabila dapat menegur rakan-rakan yang menonton video pornografi secara terang-terangan	13	21	61	65	3.11	0.93
		8.1%	13.1%	38.1%	40.6%	Tinggi	
C7	Saya tidak teruja apabila dapat melayari video pornografi pada bila-bila masa	5	10	27	118	3.61	0.74
		3.1%	6.3%	16.9%	73.8%	Tinggi	
C8	Saya tidak seronok berkongsi video pornografi dengan rakan-rakan saya	4	6	17	133	3.74	0.65
		2.5%	3.8%	10.6%	83.1%	Tinggi	
Jumlah Keseluruhan						3.45 Tinggi	0.47

Analisis Perbezaan Yang Signifikan Dari Aspek Sikap Pelajar Terhadap Video Pornografi di Internet Berdasarkan Jantina

Dalam bahagian ini, pengujian terhadap H_{01} telah dilakukan menggunakan ujian t bebas untuk mendapatkan perbezaan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet berdasarkan jantina. Berdasarkan dapatan yang dipaparkan di Jadual 7, terdapat perbezaan yang signifikan untuk sikap pelajar terhadap video pornografi berdasarkan jantina dengan nilai $t = -6.55$ dan nilai $P = 0.00$ ($P < 0.05$). Oleh yang demikian, hipotesis nol (H_{01}) ditolak. Nilai min pelajar perempuan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 3.66 berbanding pelajar lelaki iaitu 3.23 menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai sikap yang lebih tinggi dari segi moral terhadap video pornografi.

Jadual 7: Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas Sikap Pelajar Terhadap Video Pornografi di Internet Berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Min	Nilai T	df	Sig
Sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet	Lelaki	78	3.23	-6.55	158	0.00
	Perempuan	82	3.66			

Analisis Perhubungan antara Pengetahuan Pelajar dan Sikap Pelajar Berkenaan Video Pornografi di Internet

Bahagian terakhir kajian tinjauan ini adalah berkenaan perhubungan antara pengetahuan pelajar terhadap sikap pelajar berkenaan video pornografi di Internet menggunakan Ujian Korelasi Pearson dalam menguji H_{02} . Jadual 8 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperolehi dari analisis yang telah dilakukan. Berdasarkan pekali Korelasi Pearson yang diperolehi adalah $r = 0.143$ dan $P = 0.071$ ($P > 0.05$) yang memberikan keputusan bahawa hipotesis nol 2 (H_{02}) diterima. Ini membawa maksud bahawa tidak terdapat hubungan antara pengetahuan dan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet. Dalam erti kata lain, jika berlaku peningkatan pengetahuan pelajar terhadap video pornografi, ia tidak akan merubah sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet.

Jadual 8: Hubungan antara tahap pengetahuan dan sikap pelajar

Konstruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Pengetahuan dan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet	0.143	0.071	Sangat lemah

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini mendapati tahap pengetahuan pelajar Tingkatan 4 sekolah berkenaan adalah tinggi. Ia selari dengan beberapa kajian yang lain yang menyatakan pada umur remaja pada masa sekarang, mereka lebih terdedah kepada video pornografi di Internet. Namun begitu, berdasarkan analisis sikap pelajar pula mendapati mereka tidak begitu terpengaruh kepada video pornografi secara dalam kehidupan seharian. Sikap yang negatif terhadap video pornografi ini adalah amat baik dalam mengelak mereka dari terlalu leka dengan aktiviti yang tidak bermoral ini. Terdapat perbezaan yang signifikan sikap para pelajar terhadap video pornografi berdasarkan perbezaan jantina. Pelajar perempuan lebih bersikap negatif kepada video pornografi berbanding pelajar lelaki walaupun kedua-dua jantina juga turut tidak begitu selesa dengan menonton, berbincang dan menyebarkan video berbentuk pornografi. Akhir sekali, tidak terdapat hubungan antara pengetahuan dan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet. Sikap yang baik ini memberikan indikasi bahawa walaupun pengetahuan pelajar terhadap video pornografi namun begitu ianya tidak akan meningkatkan atau mengurangkan sikap pelajar. Dapatan ini diharap dapat memberikan petunjuk awal berkenaan pengetahuan dan sikap pelajar terhadap video pornografi di Internet. Kajian-kajian lanjutan sebagai contoh kajian yang berkaitan dengan hubungan antara pengetahuan pornografi dengan aktiviti seksual pelajar perlu dilakukan dalam mendalami isu ini.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini dan penyelidikan di sebaliknya tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan luar biasa daripada penyelia, rakan sekerja dan keluarga saya.

RUJUKAN

- Amirul Ashraaf Norman, & Nooraini Othman. (2020). Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Remaja: Pornography Addiction Among Adolescents: Factors and Implications on Adolescent Personality. *Jurnal Melayu*, 19(2), 205–215.
- Azzam Samsuddin. (2020, May 19). Trafik Pornhub di Malaysia meningkat sehingga 84% sepanjang wabak COVID-19, ke-4 tertinggi di dunia. *TechNaveBM*.
- Bothamley, S., & Tully, R. J. (2018). Understanding revenge pornography: public perceptions of revenge pornography and victim blaming. *Journal of Aggression, Conflict and Peace Research*, 10(1), 1–10. <https://doi.org/10.1108/JACPR-09-2016-0253>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research Methods in Education* (8th ed., Vol. 59). Routledge.
- Dodge, A. (2021). “Try Not to be Embarrassed”: A Sex Positive Analysis of Nonconsensual Pornography Case Law. *Feminist Legal Studies*, 29(1), 23–41. <https://doi.org/10.1007/s10691-021-09452-8>
- Etikan, I. (2016). Comparison of Convenience Sampling and Purposive Sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Fatin Farhanah Ammer, Sakinah Salleh. (2023). Impak Media Sosial terhadap Isu Seks Bebas dalam Kalangan Remaja. *Jurnal Peradaban Melayu*, 2(18), 1–9.

- <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.1.2023>
- Hadi, N. Y., & Hermanto, Y. P. (2024). Mencegah Diperhamba Pornografi di Era Sosial Media. *Journal of Syntax Literate*, 9(10), 5626. <https://doi.org/10.36418/syntax-literate.v9i10.50101>
- Hayyu Mashvufah. (2020). *Konsep Gender Dalam Perspektif Pendidikan Islam*. Universitas Islam Negeri.
- Johari Hassan, & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6(June), 23–43. <http://eprints.utm.my/26348/1/JTVEE-06-2012-003.pdf>
- Julhamdani, F., Trianti, E., Nugraha, H., Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung, U., Nasution No, J. A., Wetan, C., Cibiru, K., Bandung, K., & Barat, J. (2024). Peran Teknologi dan Media Sosial dalam Membentuk Dinamika Kesehatan Mental Berdasarkan Perspektif Islam. *Journal on Education*, 6(02), 11448–11463.
- Justicia, R., Mirawati, Soeparman, W. N., Asih, N. S. S., & Sari, E. P. (2021). Analysis of the Need for the Underwearules Program as a Sexual Education Service in the Prevention of Early Childhood Sexual Violence. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 542, 43–46. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210413.011>
- Keisya Nabila Syaqui, & Aqilla Darwisya Qaisara, M. L. (2024). Character.Ai: Analisis Penyalahgunaan Chatbot Artificial Intelligence Untuk Kepuasan Seksual Pada Remaja Perempuan Daerah Jakarta. *Adaptasi : Jurnal Sosial Humaniora Dan Keagamaan*, 1(2), 67–87.
- Maznah Othman, Norulhuda Sarnon, & Ezarina Zakaria. (2019). Meneroka Kefungsian Keluarga Remaja Perempuan Tidak Terkawal Yang Dirujuk Ibu Bapa Untuk Intervensi Kerja Sosial. *Journal o Social Sciences and Humanities*, 16(9), 86–101.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid, & Kartini Abd Wahab. (2017). Melahirkan warga yang berketerampilan bahasa: Kajian hubungan antara pengetahuan dengan amalan komunikatif dalam kalangan guru Bahasa Melayu. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 32–45.
- Monika@Munirah Abd Razzaka, Hafizah Mohd Nor, & Nik Mohd Zaim Ab. Rahim. (2023). Panduan Al-Quran dan Hadith terhadap Generasi Z bagi Mengatasi Isu dan Cabaran Media Sosial. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 10(2), 203–226. <https://doi.org/10.22452/ris.vol10no2.11>
- Mutaqin, Z. Z., & Ediyono, S. (2024). Pengaruh Media Sosial Terhadap Perilaku Seks Bebas Remaja: Literature Review. *Journal of Midwifery Science and Women's Health*, 5(1), 32–39. <https://doi.org/10.36082/jmswh.v5i1.1972>
- Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman, Tengku Maaidah Tengku A. Razak, Nik Nurul Akmal Ab. Alim, Nur Kamilah Kamaruddin, Najahudin Lateh, & Nurhidayah Hashim. (2021). Pornografi Dalam Kalangan Remaja Generasi Z Menurut Perspektif Islam. *Research in Islamic Studies*, 8(2), 67–78.
- Norulhuda Sarnon@Kusenin, Nur Hamizah Mohd Sharif, Daniella Maryam Mohd Mokhtar, Siti Marziah Zakaria, & Ezarina Zakaria. (2020). "Tahu Salah Tapi Mahu": Cabaran Remaja Perempuan Berhenti Menonton Pornografi. *Jurnal Psikologi Malaysia* 34, 34(2), 227–239.
- Nur Hanis Mokhsin, Muhammad Akmaludin Mohd Hamdan, Nur Syahirah Kamin, & Siti Fatimah Ibrahim. (2024). Implikasi pornografi terhadap remaja: perspektif agama. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9 (PASAK9 2024)*, 9, 17–18.
- Rosdiah Ahmad Hamzah, Kamarul Mohsin, & Mohd. Faizul Abdullah. (2021). Kajian Terhadap Cabaran Implementasi Elemen IR4.0 Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Kejuruteraan Elektrik Politeknik Malaysia. *ANP Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(1), 17–25. <https://doi.org/https://doi.org/10.53797/anpjssh.v2i1.3.2021>
- Rozita Wahab, & Mariani Mansor. (2024). Penggunaan Teknologi Digital dan Perkembangan Sosio-Emosi dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah di Semenanjung Malaysia. *Akademika*, 94(2), 376–397. <https://doi.org/10.17576/akad-2024-9402-22>
- Salsabila, S., & Okta Sari, R. (2023). Dampak Adiksi Pornografi Terhadap Kehidupan Sosial Remaja. *JUDIKA : Jurnal Pendidikan Dan Bahasa*, 1(4), 149–154. <https://doi.org/10.59696/judika.v1i4.27>
- Silvia Mona. (2019). Hubungan Pengetahuan Dan Sikap Remaja Tentang Kesehatan Reproduksi Dengan Perilaku Seksual Pranikah Siswa. *Jurnal Penelitian Kesmas*, 1(2), 58–65. <https://doi.org/https://doi.org/10.36656/jpksy.v1i2.167>

- Siti Munirah Binti Abd Kahar, Surat, S., & Rahman, S. (2023). Kemurungan dan Penggunaan Internet dalam kalangan Pelajar Tingkatan 4 di Kawasan Luar Bandar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002290. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2290>
- Suliah Mohd Aris, Hanifah Musa Fathullah Harun, Nur Hafizah Harun, Fadhilah Adibah Ismail, & Noorul Huda Sahari. (2023). Implementation of Islamic Philanthropic Culture Among Children Through Animated Stories: A Study on Upin and Ipin Animation. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2). <http://www.al-qanatir.com/aq/article/view/658%0Ahttps://www.al-qanatir.com/aq/article/download/658/402>
- Syahirah Rosli, Mohd Isa Hamzah, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Peranan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Solat Anak-Anak Menurut Al-Quran Dan Hadis. *Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-12*, 1, 548–558.
- Syahirah Rosli, Mohd Isa Hamzah, & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Revolusi Digital: Pengaruh Terhadap Dinamik Masyarakat Serta Kaedah Mengatasinya Dari Perspektif Islam. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 40–53.
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud, & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86–103. <https://doi.org/https://doi.org/10.55057/jdpc.2022.4.1.7>
- Syazwana Aziz, Noraini Abdol Raop, & Muhammad Fadzil Ahmad Shukor. (2021). Pengaruh Faktor Teknologi Maklumat Dan the Influence of Information Communication and Technology Factors on the Quality of Life Among. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 110–126.
- Tan Lem Beng. (2021). *Hubungan Antara Ketagihan Internet Dengan Kegelisahan Dan Kemurungan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wahyu Ningsih. (2016). *Pengetahuan dan Sikap terhadap video Pornografi di Internet dalam kalangan Remaja*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zuliana, E., Widya, U., & Semarang, H. (2019). Indonesian Journal of Global Health Research. *Indonesian Journal of Global Health Research*, 2(4), 91–100. <https://doi.org/10.37287/ijghr.v2i4.250>
- Zulkiple Abd. Ghani. (2020). Cabaran Dakwah Islam di Era Siber. *Jurnal Usuluddin*, 15(1), 133–142. <https://ojie.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4043>